



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila membaca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi BSN 1SEJAHTERA. Sila pastikan anda membaca terma dan syarat am juga.

Apabila perkataan atau frasa muncul dalam huruf besar, definisi dengan tafsiran adalah dinyatakan dalam Ungkapan Polisi di bawah seksyen 'Definisi Polisi Am'.

Produk: Polisi BSN 1SEJAHTERA

Pemegang Polisi Induk: Bank Simpanan Nasional

Tarikh Dikeluarkan: 01 November 2024

1. Apakah produk ini?

- Produk ini menyediakan perlindungan sekiranya berlaku kecederaan yang disebabkan oleh Kemalangan sahaja.
- Perlindungan diberikan di seluruh dunia dan sah selama 24 jam sepanjang Tempoh Polisi.
- Polisi ini boleh diperbaharui setiap bulan dan boleh dibeli untuk diri sendiri dan boleh dilanjutkan untuk memasukkan Pasangan dan/atau Anak(-anak) anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kematian Akibat Kemalangan;
- Kehilangan Upaya Kekal;
- Perbelanjaan Perubatan Akibat Kecederaan;
- Pendapatan Hospital Harian Akibat Kecederaan - Tempoh Agregat: Sehingga 180 Hari berturut-turut; dan
- Pendapatan Hospital Harian Di Unit Rawatan Rapi Akibat Kecederaan - Tempoh Agregat: Sehingga 20 Hari berturut-turut.

Anda boleh memperluas polisi untuk memberikan manfaat berikut dengan membayar premium tambahan:

- Fraktur; dan
- Perlindungan Bil Isi Rumah (Bulanan) - Tempoh Agregat: Sehingga 3 Bulan.

Nota: Sila rujuk kepada jadual manfaat yang dilampirkan pada Ungkapan Polisi untuk butiran lanjut mengenai Manfaat.

Tempoh perlindungan adalah selama sebulan. Perlindungan anda diperbaharui secara automatik selepas pembayaran premium tertakluk kepada syarat pembaharuan yang dinyatakan dalam Ungkapan Polisi anda.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Anda boleh merujuk kepada [jadual premium](#) untuk maklumat premium relevan yang berkaitan dengan anda.
- Premium perlu dibayar setiap bulan.
- Sila simpan bukti pembayaran premium untuk apa-apa rujukan masa hadapan.

4. Siapakah perantara/ejen insurans?

Nama: Bank Simpanan Nasional

Alamat: 117, Jalan Ampang, P.O.Box 12498, 50450 Kuala Lumpur.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

| Jenis | Amaun |
|--|--|
| Komisen yang dibayar kepada perantara/ejen insurans (Termasuk dalam premium) | 10% daripada premium. Anda boleh merujuk kepada jadual komisen untuk maklumat komisen relevan yang berkaitan dengan anda |
| Cukai Perkhidmatan | 8% daripada premium |

Nota: Duti setem sebanyak RM10.00 dibayar oleh Pemegang Polisi Induk.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya beri perhatian?

- Kewajipan pendedahan:**



- (i) Anda mesti mengambil penjagaan yang munasabah untuk memastikan bahawa semua jawapan anda kepada kesemuasalahan itu penuh, lengkap, betul, jujur dan benar mengikut pengetahuan anda.
- (ii) Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada AIG Malaysia Insurance Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "**Syarikat**") tentang apa-apa perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada Syarikat sebelum kami mengeluarkan Sijil Insurans kepada anda, sebelum anda memperbaharui atau mengubah mana-mana terma Polisi anda. Jika tidak, Polisi anda mungkin dibatalkan, atau dianggap seolah-olah ia tidak pernah wujud, atau tuntutan anda akan ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya..

(b) **Kelayakan:**

Keperluan di bawah juga mesti sentiasa dipenuhi secara berterusan oleh anda dan semua Orang yang Diinsuranskan layak untuk mendapat perlindungan di bawah Polisi ini:

Umur

- (i) Umur kemasukan untuk orang dewasa di bawah Polisi ini adalah 18 hingga 75 tahun (termasuk kedua-duanya).
- (ii) Umur kemasukan bagi Kanak-kanak di bawah Polisi ini ialah 30 Hari selepas kelahiran sehingga umur 19 tahun atau sehingga 25 tahun sekiranya anak adalah pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
- (iii) Polisi ini boleh diperbaharui untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan sehingga umur 85 tahun (termasuk).

Nota: Semua peringkat umur merujuk kepada umur pada hari jadi terakhir anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan.

Permastautinan

Untuk layak mendapat perlindungan di bawah Polisi ini, anda mestilah seorang:

- (i) Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia; atau
- (ii) Pemastautin tetap Malaysia; atau
- (iii) Pemegang pas pekerjaan yang sah (tempat pekerjaan mestilah di Malaysia semasa Tempoh Polisi).

Pekerjaan

Pekerjaan selain daripada yang diterangkan di bawah.

Orang yang terlibat dalam pekerjaan dengan risiko tinggi atau pendedahan kepada keadaan berbahaya tidak dilindungi di bawah Polisi ini. Senarai ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerjaan berikut:

- (i) Anggota tentera termasuk angkatan bersenjata, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau tentera udara;
- (ii) Polis, anggota keselamatan termasuk mana-mana pasukan penjaga keamanan;
- (iii) Perkhidmatan bomba;
- (iv) Ahli sukan profesional apabila Orang yang Diinsuranskan boleh atau mungkin memperoleh pendapatan atau ganjaran kerana terlibat dalam sukan sedemikian;
- (v) Juruterbang atau petugas mana-mana kapal udara atau kapal laut; atau
- (vi) Kerja atau aktiviti luar pesisir termasuk kerja pelantar minyak;
- (vii) Pembalok dan pekerja kilang papan atau pekerja yang menggunakan jentera kerja kayu;
- (viii) Pekerja yang mengendalikan dandang, bekas tekanan atau pengendali kren;
- (ix) Pekerja yang terlibat dalam pembinaan empangan, jambatan, terowong atau kerja bawah tanah;
- (x) Pelombong dan pekerja kuari;
- (xi) Kerja yang melibatkan jentera berat, bahan letupan atau bahan berbahaya atau bahan kimia;
- (xii) Nelayan, pemunggah kargo, pelagak ngeri, penghibur sarkas, joki dan pemandu kereta lumba;
- (xiii) Pembersih tingkap dan tukang menara;
- (xiv) Pekerja binaan yang terlibat dalam penggunaan jentera berat;
- (xv) Apa-apa kerja manual pada ketinggian melebihi 24 kaki; atau
- (xvi) Pekerjaan lain seperti yang dicirikan di atas dan yang menyebabkan Orang yang Diinsuranskan berisiko mengalami kecederaan yang memerlukan peralatan pakar (contohnya, abah-abah) atau peralatan perlindungan untuk memastikan mereka selamat.

(c) **Tunai Sebelum Perlindungan:**

Syarikat mesti menerima premium yang perlu dibayar pada atau sebelum Tarikh Matang Premium. Tiada manfaat akan dibayar untuk apa-apa tuntutan yang berlaku dalam tempoh yang mana premium tidak diterima.

(d) **Negara kediaman:**

Anda mesti memaklumkan kepada Syarikat jika anda akan meninggalkan Malaysia selama lebih daripada 180 hari berturut-turut. Kegagalan untuk berbuat demikian akan membatalkan perlindungan ini.



(e) **Tuntutan:**

- (i) Syarikat mesti dimaklumkan secepat mungkin secara praktikal dan munasabah dalam apa jua keadaan dalam masa 30 hari selepas Kemalangan yang mengakibatkan suatu tuntutan;
- (ii) Semua bukti yang munasabah dan yang diperlukan oleh Syarikat mesti diberikan kepada Syarikat untuk menyokong tuntutan dalam tempoh 90 hari selepas tarikh Kemalangan yang mengakibatkan tuntutan.
- (iii) Kegagalan untuk mematuhi (i) di atas mungkin mengakibatkan penolakan semua atau sebahagian daripada tuntutan oleh Syarikat. Sebab-sebab termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jika ia dibuat begitu lama selepas peristiwa sehingga Syarikat tidak dapat menyiasat sepenuhnya, atau mungkin mengakibatkan anda tidak menerima amaun penuh yang dituntut jika amaun yang perlu dibayar berubah akibat kelewatan tersebut.

(f) **Bilangan polisi:**

Hanya satu polisi individu yang memberikan manfaat yang sama atau serupa yang diunderait oleh Syarikat dibenarkan. Jika terdapat lebih daripada satu polisi, Syarikat akan menganggap anda diinsuranskan di bawah Polisi dengan pampasan tertinggi atau, jika pampasan di bawah setiap polisi adalah sama, di bawah polisi pertama yang dikeluarkan.

(g) **Sanksi:**

Syarikat tidak akan dianggap memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah polisi ini setakat mana peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk Syarikat atau entiti kawalan muktamadnya kepada apa-apa sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sanksi perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

(h) **Pembaharuan:**

- (i) Perlindungan anda diperbaharui secara automatik setiap bulan tertakluk kepada terma dan syarat Polisi dan kutipan premium yang berjaya melainkan anda membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis 30 hari kepada Syarikat secara bertulis.
- (ii) Syarikat boleh mengubah bayaran premium untuk Polisi atas sebab-sebab pengunderaitan dari masa ke masa.
- (iii) Syarikat akan memaklumkan kepada anda mengenai perubahan premium tersebut secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum perubahan dilakukan, dan juga memberitahu anda tentang amaun Premium baharu yang akan dibayar untuk menyelenggarakan Polisi.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Syarikat tidak akan membayar apa-apa tuntutan di bawah Polisi ini berkaitan dengan:

- (a) Berlumba selain berjalan kaki;
- (b) Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan;
- (c) Semasa perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang;
- (d) Pelanggaran undang-undang dan apa-apa pembayaran yang akan melanggar mana-mana larangan atau peraturan kerajaan;
- (e) Kemalangan berkaitan alkohol atau dadah;
- (f) Gangguan mental atau saraf;
- (g) Apa-apa keadaan yang sedia ada;
- (h) Apa-apa penyakit;
- (i) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV);
- (j) Bahan nuklear, kimia atau biologi; dan
- (k) Perang.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Ungkapan Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

- (a) Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada Syarikat. Tertakluk kepada perjanjian anda, perlindungan anda akan diteruskan untuk tempoh premium yang telah diterima dan akan ditamatkan apabila tamat tempoh tersebut;
- (b) Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada anda. Tertakluk kepada perjanjian anda, perlindungan anda akan diteruskan untuk tempoh premium yang telah diterima dan akan ditamatkan apabila tamat tempoh sedemikian.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat hubungan/peribadi saya?

Perkara penting yang anda harus maklumkan kepada Syarikat tentang sebarang perubahan dalam profil kehidupan



anda yang akan mempengaruhi profil risiko..

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Polisi ini, sila hubungi kami di:
AIG Malaysia Insurance Berhad (200701037463)
P O Box 11768,
50756 Kuala Lumpur
Telephone : 1800 88 8811 / 603 2118 0188
Fax : 603 2118 0288
E-mail : AIGMYCare@aig.com

11. Lain-lain jenis perlindungan kemalangan diri yang boleh didapati.

Sila rujuk laman web kami di: www.aig.my

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCATAT SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI.

ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA KONTRAK DAN BERBINCANG LEBIH LANJUT DENGAN SYARIKAT JIKA TERDAPAT APA-APA TERMA YANG ANDA TIDAK FAHAM SEBELUM MENERIMA KONTRAK POLISI. SEKIRANYA TERDAPAT APA-APA PERTANYAAN MENGENAI TERMA DAN SYARAT HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI, ORANG YANG DIINSURANSKAN BOLEH MENGHUBUNGI SYARIKAT.

DENGAN MENERIMA KONTRAK POLISI, ANDA MENGAKUI BAHAWA TERMA KONTRAK UTAMA TELAH DIJELASKAN DENGAN SECUKUPNYA OLEH EJEN ATAU SYARIKAT KEPADA ANDA DAN BAHAWA KONTRAK POLISI YANG DITAWARKAN ADALAH SESUAI DENGAN KEPERLUAN INSURANS ANDA.

JIKA TERDAPAT PERTIKAIAN ATAU KEKABURAN UNTUK TEKS DI DALAM PERUNTUKAN ENGLISH ATAU BAHASA MELAYU, VERSI ENGLISH AKAN DIGUNAKAN.

AIG Malaysia Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01 November 2024.